

Oleh  
**SHAROM  
SUBOH**

# Hanya sistem

BH 20 DEC 1955

# Parlimen jamin keadilan bagi negara: PM

MELAKA, Isnin — Keadilan negara hanya terjamin melalui pengkalan sistem suara rakyat, tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap di perhimpunan raksasa di Padang Pahlawan di sini tengah hari ini, Perdana Menteri berkata, kiranya suara rakyat diketepikan, maka kemerdekaan tidak akan mempunyai makna.

"Kita mahukan suara rakyat menentukan nasib rakyat sendiri," tegasnya sambil berteriak "hidup rakyat" tiga kali.

Katanya, pembangunan katanya, pembangunan yang dapat dilihat di seluruh negara hari ini ialah kerana rakyat yang menentukan nasib mereka.

"Cara rakyat sangat mudah iaitu memilih orang yang akan memerintah negara dan jika tidak tepat pilihan itu maka bolehlah di buat pilihan sekali lagi," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang berucap di depan kira-kira 80,000 rakyat negeri ini memuji kebijakan rakyat memilih kalangan mereka untuk menjadi pemimpin sejajar dengan prinsip rakyatlah yang menentukan pentadbiran negara.

"Walaupun boleh bertolak ansur tetapi prinsip ini tidak boleh dijual beli dan sesiapa yang tidak menghormati rakyat akan menghadapi masalah kerana rakyat semakin bertambah sedangkan pemimpin boleh diganti," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan zaman sistem feudal sudah berakhir dan keadaan masa kini tidak lagi sama seperti zaman Hang Tuah dan Hang Jebat.

"Walaupun kita menghormati Hang Tuah tetapi kita juga tahu ketaatannya hingga sanggup dihukum mati cuma kerana perkara remeh-temeh," ujarnya.

Mengenai kegiatan segelintir rakyat termasuk yang berada di luar negeri untuk memecah-belahkan rakyat, Umno dan Barisan Nasional, Perdana Menteri memberi amaran tindakan sewajarnya akan diambil.

Beliau mengingatkan ada sebuah akhbar di negara ini yang cuba membangkitkan perkara-perkara lain dengan harapan berjuang untuk

suratkhbaranya.

"Walaupun kerajaan bersikap liberal tetapi kerajaan boleh menarik balik apa yang diberi. Kita tidak lemah dan berharap mereka supaya bersopan sedikit," ujarnya merujuk kepada akhbar berkenaan.

Katanya, kerajaan tidak mahu akhbar digunakan untuk memecah-belahkan perhubungan baik antara raja dan rakyat atau rakyat dengan rakyat atau Umno dengan Umno.

"Umno tidak akan membenarkan sesiapa pun melakukan perkara ini dan membiarkan orang yang menanggung di air keruh," tegasnya

sambil menasihatkan rakyat menumpukan pandangan pada pembangunan negara dan membuktikan mereka boleh membangunkan negara, kerana perkara perlembagaan sudahpun selesai.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan pemimpin-pemimpin supaya jangan mementingkan jawatan atau tempat tetapi mengutamakan perjuangan bagi rakyat, kerana rakyat mahukan pemimpin-pemimpin yang

berjiwa rakyat.

Beliau kesal kerana ada usaha dilakukan oleh setengah pihak dengan memperkatakan perkara yang tidak benar seperti rakyat tidak setuju dengan pindaan perlembagaan.

"Ada pihak yang menyatakan kononnya orang Cina dan India tidak setuju dengan pindaan perlembagaan tetapi itu tidak benar kerana sokongan mereka dibuktikan di perhimpunan raksasa seperti hari ini," tegasnya.

● LAGI BERITA2 LAWATAN PM  
DI MELAKA LIHAT MUKA 19